

28 JUN 2000

OIC-Jawatan/I

PERSETUJUAN BELUM DICAPAI BAGI JAWATAN SETIAUSAHA AGUNG OIC, SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Mesyuarat Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini belum mencapai persetujuan mengenai pemilihan setiausaha agung baru bagi pertubuhan 56 anggota negara Islam itu.

Pengerusi sesi ke-27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata adalah menjadi tradisi di dalam OIC agar jawatan itu diisi berdasarkan persetujuan ramai.

"Saya masih dalam proses berunding dengan ketua-ketua delegasi negara anggota. Belum ada keputusan muktamad mengenai perkara itu.

"Bukan menjadi amalan bagi kita untuk mengundi bagi memilih setiausaha agung," kata Menteri Luar itu pada persidangan media semasa rehat pada hari kedua ICFM.

Persidangan empat hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Sebanyak 1,000 anggota perwakilan dari negara-negara anggota OIC menghadiri mesyuarat itu yang dianjurkan kali kedua oleh Malaysia. Kuala Lumpur menjadi tuan rumah mesyuarat itu buat kali pertama pada 1974.

Syed Hamid berkata calon dari tiga negara anggota -- Bangladesh, Turki dan Maghribi -- bersaing untuk menggantikan setiausaha agung sekarang, Dr Azeddine Laraki dari Maghribi yang dijangka melepaskan jawatan pada akhir tahun ini.

ICFM dibahagikan kepada beberapa jawatankuasa untuk menangani isu seperti politik; masyarakat Islam dan minoriti; perundangan dan maklumat; ekonomi dan hal ehwal sosial; kebudayaan dan hal ehwal Islam; dan pentadbiran dan hal ehwal kewangan. Para perwakilan juga mengambil bahagian dalam perbincangan umum.

Syed Hamid juga berkata Malaysia mahu OIC menubuhkan sebuah dana pembiayaan bagi membolehkan lebih ramai pelajar Islam dari luar Malaysia menuntut di Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Beliau berkata memandangkan Malaysia membiayai kira-kira 800 pelajar asing di UIA, adalah lebih baik jika perkara itu dapat dianggap sebagai satu projek OIC.

Katanya jawatankuasa politik turut membincang dan bersetuju terhadap resolusi berhubung perkara seperti Kosovo, persoalan mengenai proses kedamaian di Asia Barat dan perkembangan di selatan Filipina.

"Kita juga menyentuh mengenai perlunya berkongsi maklumat agar kita dapat memaparkan imej yang tepat mengenai negara-negara Islam dan kedudukan minoriti penduduk Islam," katanya.

Syed Hamid berkata OIC berpendapat bahawa usaha ke arah mencapai keamanan di Asia Barat tidak harus dilengah-lengahkan.

"Kita berpendapat bahawa perkara yang paling penting untuk mencapai keamanan di rantau itu ialah penyelesaian kepada isu negara Palestin," katanya.

Beliau berkata pendirian OIC ialah agar perlu ada negara Palestin yang merdeka diwujudkan dan Israel harus menjalankan perannya untuk melengkapkan proses kedamaian itu.

Syed Hamid berkata Malaysia juga meminta sokongan OIC bagi penawaran Kuala Lumpur menganjurkan Sukan Asia pada 2006.

Antara negara lain yang menawarkan diri menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 ialah Hong Kong, India dan Qatar.

-- BERNAMA

MAM AKD